

Perarakan konvokesyen UTHM berkonsep 'Town and Gown'

BATU PAHAT: Perarakan sempena konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang bakal dijalankan pada 20 Oktober ini dan disertai 1,000 peserta akan berkonseptkan 'Town and Gown'.

Penganjuran kali keempat ini akan mula berarak dari Jalan Rahmat ke Stadium Batu Pahat dan objektifnya adalah untuk menghebahkan kepada masyarakat se-tempat berkaitan Konvokesyen UTHM Ke-11 yang akan berlangsung pada 3 dan 4 November ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, pihaknya turut menyediakan acara seperti pertunjukan bunga api, konvoi motosikal, pertandingan 'auto show' dan persembahan kebudayaan.

"Acara penuh warna-warni ini bermula dengan ketibaan tetamu dengan menaiki beca berhias didatangkan khas dari Melaka.

"Ia kemudian disusuli perarakan lintas hormat di depan pentas utama di Jalan Rahmat hingga ke Dataran Penggaram," katanya, semalam.

Menurut beliau, sebahagian besar acara pengisian sempena perarakan Town and Gown itu diadakan di Dataran Penggaram.

Shafry berkata, kemuncak acara perarakan itu ialah perisytiharan konvokesyen UTHM oleh pendaftarnya sebelum beliau menyerahkan skrol konvokesyen kepada Pegawai Daerah Batu



SHAFRY...acara penuh warna-warni

Pahat, Ab Wahad Ridwan.

"Ia satu simbolik bagi menunjukkan hubungan erat antara warga UTHM dengan penduduk di daerah ini.

"Sejarah perarakan konvokesyen yang juga dikenali sebagai 'Communiversity Celebration' ini menjadi amalan turun-temurun beberapa universiti luar negara seperti Universiti Princeton, Amerika Syarikat (AS).

"UTHM adalah institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di negara ini yang mengadakan perarakan ini," katanya.

Menurut Shafry, ketika acara berlangsung, beberapa jalan utama di bandar berkenaan seperti Jalan Rahmat, Jalan Ampuan dan Jalan Mohd Salleh akan ditutup secara berperingkat bermula jam 8 malam.